TEKS UCAPAN

YBHG. DATO' SRI RAMLAN BIN DATO' HARUN
KETUA SETIAUSAHA
KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

MAJLIS SAMBUTAN HARI INOVASI KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH TAHUN 2023

Tarikh : 6 Disember 2023 (Rabu)

Masa : 11.30 pagi

Tempat : Dewan Seri Lestari
Aras B1, KKDW

PENDAHULUAN

1. Terlebih dahulu marilah kita memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya, kita diberi ruang dan kesempatan bertemu dan berhimpun sempena Majlis Sambutan Hari Inovasi peringkat Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah bagi tahun 2023.

Hadirin Yang Dihormati Sekalian,

SAMBUTAN HARI INOVASI KKDW TAHUN 2023

2. Hari Inovasi disambut setiap tahun dan merupakan acara kemuncak penghargaan dan pengiktirafan tertinggi kepada Agensi, Bahagian dan Unit di bawah KKDW dalam usaha membudayakan inovasi dan kreativiti supaya lebih banyak idea-idea baharu untuk kesejahteraan masyarakat MADANI keseluruhannya.

3. Jika dilihat dari perspektif pencapaian negara di peringkat antarabangsa, kedudukan Malaysia dalam *Global Innovation Index* pada tahun 2022 dan tahun 2023, Malaysia berada di anak tangga yang sama iaitu pada tangga ke-36. Dari segi penghasilan pekerja berpengetahuan (*knowledge workers)*, Malaysia juga masih berada di tangga ke-62 pada tahun 2022 dan tahun 2023.

4. Walau bagaimanapun, dari segi penciptaan ilmu (*knowledge creation)*, kedudukan Malaysia telah bertambah baik daripada anak tangga ke-67 pada tahun 2022, ke anak tangga ke-66 pada tahun 2023. Ini menunjukkan, bahawa inovasi itu wujud di negara ini. Oleh yang demikian, budaya inovasi perlu dilonjakkan dengan drastik bagi

memastikan negara kita terus kekal kompetitif dan berdaya saing melalui pemikiran secara kreatif dan inovatif. Perkara ini memerlukan agar semua pekerja khususnya penjawat awam untuk melipatgandakan usaha bagi mencipta pelbagai lagi cetusan idea yang berinovatif dalam sistem penyampaian perkhidmatan kerajaan.

5. Pelaksanaan Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) juga memberi nilai tambah dalam meningkatkan kualiti kerja dan keberkesanan sistem penyampaian perkhidmatan KKDW dan Agensi dalam memenuhi kehendak dan ekspektasi pemegang taruh dan masyarakat MADANI.

Hadirin Yang Dihormati Sekalian,

PENYERTAAN MARA, RISDA DAN KEDA DALAM PROGRAM INOVASI ANTARABANGSA

6. Saya dimaklumkan bahawa Agensi-agensi di bawah KKDW telah mendapat pengiktirafan di peringkat antarabangsa dan tempatan dengan penglibatan aktif, komitmen dan semangat juang yang tinggi dengan menyertai program inovasi di peringkat kebangsaan dan antarabangsa seperti:

   i. MARA telah menyertai *the 16th International Invention and Innovation Show* INTARG di Poland; dan

   ii. RISDA serta KEDA telah menyertai *International Innovation and Competition through Exhibition* 2023 (iCompEx 2023) di POLIMAS Jitra.

7. Syabas dan tahniah saya ucapkan kepada warga kerja yang telah melonjak dan mengharumkan nama Agensi dan Kementerian di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Saya berharap Agensi-Agensi lain turut dapat menyertai program-program di peringkat kebangsaan dan antarabangsa pada tahun-tahun akan datang.

Hadirin Yang Dihormati Sekalian,

TUJUH (7) KATEGORI ANUGERAH KUALITI DAN INOVASI TAHUN 2023

8. Dalam arus kepesatan globalisasi, inovasi bukan sahaja pemangkin untuk menyelesaikan masalah, malah cetusan idea yang kreatif dan inovatif mampu melonjakkan pencapaian sesebuah Negara ke tahap yang lebih

cemerlang dan terus kekal berdaya saing dan relevan. Kepelbagaian produk inovasi yang telah dihasilkan dan dipertandingkan membuktikan budaya inovasi menjadi amalan penjawat awam khususnya di KKDW.

9. Justeru, tahun ini terdapat **tujuh (7) kategori anugerah kualiti dan inovasi telah dipertandingkan** dalam kalangan KKDW dan Agensi di bawahnya iaitu:

   i. Anugerah Inovasi Perkhidmatan Awam kategori Pengurusan MADANI;

   ii. Anugerah Inovasi Perkhidmatan Awam kategori Teknikal;

   iii. Anugerah Horizon Baharu KIK Terbaik;

iv. **Anugerah Kualiti Tadbir Urus Bahagian kategori Pembudayaan ICT;**

v. **Anugerah Kualiti Tadbir Urus Bahagian (Keselamatan Perlindungan);**

vi. **Anugerah Kualiti Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA); dan**

vii. **Anugerah Kualiti Pengurusan Pusat Komuniti Desa (PKD).**

Hadirin Yang Dihormati Sekalian,

PENYERTAAN ANUGERAH INOVASI PERKHIDMATAN AWAM KATEGORI PENGURUSAN MADANI

10. Di bawah Anugerah Inovasi Perkhidmatan Awam Pengurusan MADANI bagi kategori pengurusan, saya dimaklumkan bahawa terdapat sebelas (11) produk inovasi baharu yang menyertai pertandingan daripada tujuh (7) Agensi iaitu MARA, RISDA, KETENGAH, KEJORA, KESEDAR, PERDA dan KEDA.

    (Maklumat perincian sebelas (11) produk inovasi baharu di bawah Kategori Pengurusan adalah seperti di Lampiran).

11. Sudah tiba masanya, supaya Badan-Badan Berkanun di bawah KKDW yang mempunyai syarikat atau anak syarikat, supaya dapat mengaplikasikan teknologi dan inovasi baru dalam projek-projek dan program yang dilaksanakan agar dapat mewujudkan agensi Badan Berkanun yang berpendapatan tinggi dan menjadi *profit centre* daripada menjadi *cost centre*.

12. Saya yakin ianya dapat dilakukan dengan mengambil kira pengaplikasian teknologi dan inovasi terkini dengan penggemblengan kemahiran, kepakaran, sumber kewangan dan modal insan yang ada di setiap agensi di bawah KKDW. Oleh yang demikian, usaha-usaha pembangunan perlu diteruskan melalui pelbagai program yang berimpak tinggi dan berinovatif ke arah keseimbangan dan kesejahteraan masyarakat di luar bandar.

PENYERTAAN ANUGERAH INOVASI PERKHIDMATAN AWAM KATEGORI TEKNIKAL

13. Manakala, di bawah Anugerah Inovasi Perkhidmatan Awam bagi Kategori Teknikal pula terdapat sepuluh (10) produk inovasi baharu yang menyertai pertandingan daripada enam (6) Agensi iaitu MARA, RISDA, KETENGAH, KEJORA, PERDA dan KEDA.

    (Maklumat perincian sepuluh (10) produk inovasi adalah seperti di Lampiran).

Hadirin Yang Dihormati Sekalian,

KEPENTINGAN PELAKSANAAN ANUGERAH KUALITI DAN INOVASI DI KKDW

14. Ketujuh-tujuh anugerah ini dipertandingkan sebagai *platform* bagi mewujudkan persaingan inter-agensi dan berkongsi *best practices* di

antara agensi terbaik di samping meningkatkan keupayaan dan kemampuan KKDW dan Agensi-agensi di bawahnya.

15. Sepertimana semua sedia maklum, Malaysia MADANI mentakrifkan inovasi dengan pembaharuan, reka cipta dan reka baharu. Daya Cipta yang merupakan rukun Malaysia MADANI akan mewujudkan proses perubahan berterusan yang akan meningkatkan kreativiti rakyat. KKDW menyahut seruan Malaysia MADANI telah menyediakan platform persekitaran dan infranstruktur yang akan merangsang kreativiti dan menggalakkan penghasilan sistem, produk, idea dan proses lebih maju dikalangan Agensi, Bahagian dan Unit di bawah KKDW bagi membudayakan inovasi akan memartabatkan sistem penyampaian dan perkhidmatan di Negara ini.

Hadirin Yang Dihormati Sekalian,

TAHNIAH KEPADA BARISAN PANEL PENILAI DAN PEMENANG ANUGERAH KUALITI DAN INOVASI TAHUN 2023

16. Saya juga ingin mengambil kesempatan di sini untuk mengucapkan tahniah dan syabas kepada barisan Panel Penilai yang telah bertungkus-lumus semasa sesi penilaian dan Pemenang-pemenang Anugerah-Anugerah yang dipertandingkan sempena Sambutan Hari Inovasi KKDW 2023. Semoga dengan kejayaan ini, ia akan membakar semangat untuk terus berusaha menjadi yang terbaik dan terus kreatif dalam merekacipta produk dan inovasi baharu di masa-masa akan datang. Akhir kata, sekali lagi saya ucapkan syabas dan tahniah kepada jawatankuasa penganjur dan semua pihak yang terlibat dalam menjayakan Sambutan Hari Inovasi KKDW Tahun 2023.

17. Saya ingin merakamkan ucapan penghargaan dan setinggi tahniah kepada Yang Berusaha Setiausaha Bahagian Kanan (Khidmat Pengurusan), urus setia dan semua warga KKDW dan Agensi yang telah terlibat dalam menjayakan majlis pada hari ini.

PENUTUP

LAFAZ PERASMIAN SAMBUTAN HARI INOVASI KKDW

Dengan lafaz Bismillahhirrahmanhirrahim saya dengan sukacitanya merasmikan Sambutan Hari Inovasi KKDW Tahun 2023.